

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

MITASA sertai Poket Talks dan Bengkel e-TUIS, bina pekerja Malaysia MADANI Berkonsepkan 3K

Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA) telah dijemput menyertai bicara Poket Talks Siri 2/2024 dan Bengkel e-TUIS Kesatuan Sekerja anjuran Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dengan kerjasama Kesatuan Kakitangan Umum Universiti Teknologi Mara (KKUUTM) bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Universiti Teknologi MARA (UiTM) April lalu.

Poket Talks bertajuk “Membina Pekerja Malaysia MADANI Berkonsepkan 3K (Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan)” telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Asri Abdul Wahab iaitu Ketua Pengarah, JHEKS. Sementara kupasan terhadap tajuk itu telah dipertanggungjawabkan kepada Prof Emeritus Dr Durrishah Idrus, Ketua Eksekutif, Kolej Institut Jantung Negara (IJN College).

Menurut Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Teknologi MARA (MITASA), Saharuddin Lin penganjuran bengkel berkenaan adalah amat bersesuaian memandangkan pelbagai urusan pentadbiran kini dijalankan atas talian

dan memudahkan kakitangan untuk melakukan pelbagai urusan dengan lebih cepat dan efektif.

“MITASA berharap pihak penganjur dapat melaksanakan bengkel ini setiap tahun bagi memudahkan pihak kesatuan mendapatkan pelbagai input dan pendedahan mengenai penggunaannya dari semasa ke semasa.

“Terima kasih kerana turut menjemput MITASA, ia sangat membantu kami untuk mendapatkan pelbagai maklum balas daripada pihak JHEK melalui bengkel yang diadakan,” katanya.

Tambahnya bengkel itu bertujuan memberikan pendedahan terhadap penggunaan e-TUIS iaitu perkhidmatan atas talian yang disediakan untuk setiap kesatuan bagi memudahkan urusan penghantaran borang dan sebagainya.

Bengkel yang melibatkan semua Setiausaha, Bendahari ataupun kakitangan tetap kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah JHEK turut dihadiri oleh Setiausaha Pejabat MITASA, Puan Nadra Shafina Ab Rahman dan Setiausaha Media dan Korporat MITASA, Puan Siti Fatimah Awang.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130